

MAJLIS APRESIASI JKSNs TAHUN 2021 & AMANAT YAA KETUA HAKIM SYARIE JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN

1. Program tahunan ini telah dilangsungkan pada 2 April 2021 bertempat di Royale Qaseh Hall, Seremban 2 bermula jam 4.00 petang sehingga 8.00 malam, melibatkan seluruh kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan Ibu Pejabat dan Mahkamah Rendah Syariah Daerah di seluruh Negeri Sembilan.

2. Program ini merupakan salah satu platform untuk menyampaikan amanat dan maklumat terkini daripada Ketua Hakim Syarie Negeri Sembilan, Yang Amat Arif Dato' Abas bin Nordin kepada kakitangan sebagai pemacu semangat agar sama-sama dapat menjalankan kerja dan tanggungjawab yang diberi seiring dengan visi dan misi jabatan agar dapat menyumbang kepada masyarakat dan memberikan imej yang baik kepada jabatan.

3. Sempena tahun 2021 ini, konsep 'istiqamah' menjadi intipati amanat YAA Ketua Hakim Syarie sebagai panduan kepada semua Pegawai dan kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Hud ayat 112 :

فَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغَوْا إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Bermaksud:

“Maka istiqamahlah kamu (Muhammad) di jalan yang benar, sebagaimana telah diperintahkan kepadamu dan juga kepada orang yang bertaubat bersamamu, dan janganlah kamu melampaui batas. Sungguh, Dia Maha Melihat apa yang kamu kerjakan. - (Q.S Hud: 112)”

4. Hadis Abdullah As Saqafi: keimanan dan keislaman berkait rapat dengan pekerjaan. Hadis ini adalah diharapkan dapat menjadi panduan dalam kehidupan harian kepada semua warga JKSNs.

5. Konsep 'istiqamah' ini dapat dicapai melalui tiga perbuatan. Pertama, niat ikhlas kerana Allah. Kedua, berpegang teguh kepada agama. Ketiga, menanamkan keazaman yang tinggi untuk terus komited agar amal pekerjaan diterima oleh Allah SWT.

6. Dalam majlis ini juga JKSNs telah melancarkan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) yang telah disempurnakan ini oleh Ketua Hakim Syarie Negeri Sembilan, Yang Amat Arif Dato' Abas bin Nordin, bersama Tuan Azmi bin Aziz, Pengerusi AKRAB Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan.

7. Majlis diteruskan dengan penyampaian anugerah bagi Penerima Anugerah Khas Ketua Hakim Syarie 2020, Apresiasi Kepada Kakitangan yang Telah Bersara, Pegawai dan Kakitangan Yang Berpindah Keluar dan Pegawai dan Kakitangan Baharu di JKSNs.

8. Majlis berakhir dengan makan malam dan sesi fotografi serta penyampaian hadiah cabutan bertuah anjuran bersama Kelab Kebajikan & Sukan JKSNs (KEJASA)

GALERI





